

29/07/1997

Memastikan deklarasi hak asasi adil

HAK asasi manusia tidak syak lagi memberi sumbangan besar kepada peradaban. Hak itu diwujudkan agar manusia mendapat keadilan dan dibela jika ditindas atau diperlakukan di luar batasan kehidupan. Namun dalam dunia yang semakin bersaing, mempertahankan hak asasi kerap dijadikan alasan untuk mereka bertindak terhadap sekumpulan manusia lain semata-mata bagi memenuhi cita-cita. Lantaran itu, peraturan mengenai hak asasi sering diputarbelitkan dan disalahgunakan untuk kepentingan sendiri, merebut kuasa dan menunjukkan kegagahan serta penguasaan.

Bagi manusia di muka bumi, Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat, yang digubal oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), 49 tahun lalu, dianggap umpama payung melindungi mereka yang teraniaya dan ditindas. Walaupun kita tidak menafikan, deklarasi itu sejak digubal pada tahun awalnya banyak membantu menguruskan pemasalahan penduduk dunia, selepas zaman beredar dan masa berlalu, kita perlu akui ia tidak mengadakan bentuk tindakan ke arah order dunia yang lebih adil.

Paradigma hak asasi manusia yang dicerminkan dalam piagam itu ditempatkan dalam konteks individu eksklusif yang tidak dapat mengambil tindakan wajar kepada ketidakadilan global. Kelemahan berpanjangan dalam paradigma hak asasi manusia juga menyebabkan kerajaan dan mereka yang berkuasa menggunakannya sebagai senjata politik ke atas pihak lawan. Walaupun zaman penjajahan sudah berakhir, penguasaan oleh negara tertentu ke atas beberapa bahagian di dunia terus memberi kesan kepada hak asasi manusia di dunia membangun, dengan cara lebih sofistikated dan tidak ketara, tetapi membawa akibat yang sama.

Malaysia bukanlah terlalu besar hingga mahu mengubah sistem dunia. Tetapi sebagaimana negara lain, kita hanya mahukan keadilan. Kita mahu setiap negara menerima dan akur kepada deklarasi itu agar bertindak adil dalam keputusannya. Kita mahu mereka tidak membezakan di antara negara kaya dan miskin. Pada kita tidak ada tolak ansur dalam menentukan keamanan dunia dan hak asasi manusia. Lantaran itu, kita merasakan sudah wajar deklarasi itu digubal agar tidak mudah dipergunakan oleh mana-mana pihak mahupun kuasa besar untuk bertindak sesuka hati mereka. Tindakan Amerika Syarikat menentang kemasukan Myanmar ke dalam Asean tetapi pada masa yang sama menghalalkan pencerobohan Israel di bumi Arab, jelas menunjukkan kuasa besar bertindak dengan bertopengkan hak asasi manusia. Israel merampas tanah milik penduduk Arab, menggunakan peluru hidup terhadap penunjuk perasaan Palestin dan menutup sempadan, menghalang warga Palestin bekerja di Israel, yang jelas melanggar undang-undang antarabangsa itu.

Lebih malang bagi negara kecil, deklarasi itu membolehkan kuasa besar mengamalkan sikap 'pilih kasih' serta hipokrit dengan bertopeng perjuangan kemanusiaan yang dilaung-laungkan mereka. Berdasarkan sikap tidak adil mereka itu dalam melaksanakan deklarasi itu, kita berpendapat adalah tidak layak kuasa besar berkenaan menggelarkan diri mereka pejuang hak asasi manusia.

Deklarasi lebih sesuai dengan keperluan sejagat perlu bagi memastikan kuasa besar tidak menekan sebaliknya membetulkan setiap apa yang mereka perjuangkan mengenai hak kemanusiaan. Wajar ia dikaji semula berdasarkan ketidakesuaiannya dengan standard pencapaian manusia sejagat masa kini dan sama ada ia benar-benar memberikan manfaat kepada semua bangsa dan negara. Lagipun, ketika deklarasi itu digubal dan diumumkan pada 10 Disember 1948, ketika itu PBB hanya dianggotai 40 negara sedangkan kini

pertubuhan itu mempunyai 180 negara anggota.

Sehubungan itu, adalah perlu bagi Malaysia membawa usul kepada PBB supaya faktor asas yang mendorong penggubalan deklarasi itu dikaji semula. Seperti kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, banyak perkara dalam deklarasi itu tidak sesuai dengan keperluan negara dunia ketiga. Sesungguhnya Malaysia prihatin dan mahu memastikan menerusi deklarasi yang digubal itu, PBB bergerak atas landasan mengekalkan keamanan dunia, menyelesaikan konflik melalui kerjasama antarabangsa dan pengadilan, menggalakkan perkembangan ekonomi dan sosial, membajai perhubungan lebih baik di antara negara di dunia serta melindungi hak asasi manusia dan kebebasan yang tidak boleh diragut oleh sesiapaapun. Kita yakin jika semua negara anggota memahami dan patuh, dunia dan penghuninya akan hidup aman.

(END)